

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9019**

**SOALAN:**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk mengelakkan kejadian penjualan sejenis dadah baharu, "kopi" yang dipercayai sudah dipasarkan ke negeri-negeri lain.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Dadah yang digelar ‘kopi’ bukan sejenis dadah baru tetapi adalah nama panggilan jalanan bagi campuran satu atau lebih dadah seperti methamphetamine, MDMA dan ketamin yang terkandung dalam Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952. Sebagai contoh, dadah methamphetamine juga dikenali sebagai syabu, ais dan batu. Manakala dadah heroin dipanggil sebagai fit, pek hoon, ubat dan brown.**

**Kementerian memandang serius isu pengedaran semua jenis dadah termasuk dadah ‘kopi’ di negara ini. Kementerian melalui PDRM telah melaksanakan tindakan-tindakan untuk membanteras kegiatan pengedaran dadah seperti berikut:**

- a) Memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;**
- b) Mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;**

- c) Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas *drug kingpin* dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah; dan**
- d) Melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.**